



PEKELILING PESURUHJAYA TANAH, NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU BILANGAN 8/1970

*Suratan Hakmilik Tetap Yang Akan Dikeluarkan
Atas Pemberian Milik Tanah, Pecah Sempadan,
Pecah Bahagian Dan Penyatuan Tanah*

Perhatian Pendaftar-pendaftar Hakmilik adalah ditarik kepada peruntukan-peruntukan di bawah seksyen 77(3) Kanun Tanah Negara berkenaan jenis suratan hakmilik tetap yang akan dikeluarkan atas pemberian milik tanah Kerajaan yang diluluskan sebelum atau selepas Kanun Tanah Negara berjalan kuatkuasanya. Jenis-jenis hakmilik adalah seperti berikut:

(a) Suratan Hakmilik Pejabat Pendaftar atas tanah Bandar atau Pekan, tanah desa melebihi 10 ekar, atau sebahagian pantai surut atau dasar laut;

(b) Suratan Hakmilik Pejabat Tanah atas tanah desa tidak melebihi 10 ekar keluasanya.

2. Peguam Negara telah memberi nasihat seperti berikut:

“ It is noted that Part Five of the National Land Code speaks about disposal of State land by alienation and section 76 of the Code defines the meaning of alienation which consists of disposal of such land by the State Authority inter alia:

“(a) in perpetuity or for a term not exceeding ninety-nine years.”

The form of final title for the period for which the land alienated is to be held in perpetuity or for a term of years is described in section 77(3) of the code.

Section 80(4) of the Code provides that any land approved before the commencement of the Act for alienation, etc., shall be taken as from that commencement to have been approved for alienation under the Act on the same terms as those determined was actually given. The word “terms” in section 80(4) is nowhere defined in the Code. On reading the provisos to section 80(4), it is clear, in my view, that *the form of final title is not the “terms as those determined by the State Authority at the time of approval* as intended by the section. But since the word “alienation” has been defined in the Code, emphasis should, in my opinion be given on this word when reading section 80(4).

Section 80(4) requires that any land approved before 1.1.1966 for alienation shall be taken as from that date to have been approved for alienation under the Act. It is, therefore, my view that the form of final title for such land should be in the *form prescribed in section 77(3) of the Code* unless it falls within the proviso (ii) of the section.”

3. Di bawah seksyen 173(1) Kanun Tanah Negara, jenis suratan-suratan hakmilik tetap atau suratan hakmilik tetap berkaitan dengan pecah sempadan atau pecah bahagian adalah bergantung kepada jenis hakmilik yang sedia ada pada masa itu. Di negeri Pulau Pinang dan Melaka ada dua jenis suratan hakmilik tetap yang akan dikeluarkan adalah dicatatkan dalam ruangan ‘Replacement Title’ dalam ‘Interim Register’ dan maklumat-maklumat ini hendaklah diperolehi untuk menentukan jenis suratan hakmilik tetap itu. Ada pun ‘Replacement Title’ yang dikeluarkan itu adalah ditentukan oleh Pesuruhjaya Hakmilik Tanah di bawah seksyen 39 dan 43 Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) di waktu ‘Interim Register’ itu disediakan.

4. Ada pun jenis suratan hakmilik tetap atas penyatuan tanah adalah juga ditentukan mengikut seksyen 173(1) Kanun Tanah Negara. Dalam keadaan-keadaan yang disebutkan dalam seksyen 147(2) dan 147(3) jenis suratan hakmilik tetap adalah ditentukan mengikut syarat-syarat seksyen yang tersebut iaitu seksyen 173(1) Kanun Tanah Negara.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR
*Pemangku Pesuruhjaya Tanah,
Negeri-negeri Tanah Melayu*

P.T.TM 14/66 Bab 4

Kuala Lumpur,
15hb Jun, 1970